UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

BULETIN UPKA

Unit Pentadbiran Dan Kemudahan Am

Edisi Mei - Ogos 2024 • ***Edisi KHAS MERDEKA***

Isi Kandungan

3
Dari Meja Penasihat Buletin

4
Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2023

5-9
Fokus

10
Bengkel/Mesyuarat/ Aktiviti/Program

11
Bicara Ilmiah@UPKA

14-18
Khas- Sorotan Program Kemerdekaan 2024

19
Projek Kelestarian UPKA

20-21
Santai Bersama

Sidang Redaksi

PENASIHAT
Encik Mohd Saberi Mohd Yusoff

EDITOR
Cik Wan Nurfatin Shahirah Wan Ariffin

PENYELARAS SUMBER

Bahagian Perolehan & Kewangan
Encik Azharuddin Abdul Aziz
Puan Suhaila Hashim
Puan Norhasmirina Nawi

Bahagian Pengurusan Aset & Perkhidmatan Dobi
Puan Norashikin Aziz
Encik Ahmad Afifi Haji Ismail
Puan Nur Adibah Muslim
Puan Jawaratul Saniah Kamal Abd Nasir

PEREKA
Encik Muhamad Syakirin Hakim Khairul Nizam

PEMBACA PRUF
Puan Suhaila Hashim

Bahagian Sumber Manusia
Cik Mirawaty Mat Ghani
Encik Ahmad Azwan Ab Rahman

Bahagian Pembangunan Organisasi & Governan
Cik Wan Nurfatin Shahirah Wan Ariffin

Kelab Kebajikan UPKA (KUPKA)

Dari Meja Penasihat

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَٰنِ الرَّحِيمِ

Encik Mohd Saberi Mohd Yusoff
Timbalan Pendaftar Kanan

Alhamdulillah.Terlebih dahulu saya ingin melahirkan rasa syukur ke hadrat Allah S.W.T yang telah mengurniakan rahmat dan kasih sayang-Nya kepada kita semua. Ucapan terima kasih dan tahniah juga saya ucapkan kepada Sidang Redaksi Buletin UPKA kerana mampu meneruskan penerbitan buletin rasmi unit hingga ke detik ini. Bersempena dengan bulan kemerdekaan negara yang ke-67, Buletin UPKA kali ini memaparkan aktiviti-aktiviti serta program yang telah berlangsung khususnya pada bulan Ogos serta di peringkat UPKA sepanjang Mei hingga Ogos 2024.

Di kesempatan ini juga, saya ingin mengucapkan Selamat Menyambut Hari Kebangsaan yang ke-67 kepada semua warga penggerak Hospital USM khususnya warga UPKA semua. Saya yakin dan percaya bahawa sambutan hari kemerdekaan ini semestinya mengingatkan kita semua tentang betapa pentingnya perpaduan dan kerjasama dalam menghadapi cabaran dan merealisasikan visi bersama. Justeru, marilah kita terus mengukuhkan semangat perpaduan di UPKA dan diri kita sendiri agar kejayaan yang lebih besar dapat dicapai demi kecemerlangan UPKA seterusnya untuk Hospital USM.

Akhir kalam, saya mendoakan agar semua warga UPKA dapat kekal bekerjasama dalam situasi yang harmoni dan terus mengorak langkah menuju kejayaan pada masa-masa hadapan. Terima kasih sekali lagi saya ucapkan kepada sidang redaksi dan penyumbang berita Buletin UPKA yang terlibat secara langsung atau tidak langsung. Semoga bermanfaat dan selamat membaca semua.

Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2024

Sekalung Penghargaan dan Tahniah diucapkan kepada staf-staf Unit Pentadbiran dan Kemudahan Am yang telah menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Tahun 2023. Seramai enam (6) orang staf termasuk tiga (3) orang staf dari Perkhidmatan Dobi telah menerima anugerah tersebut sebagai pengiktirafan terhadap bakti dan jasa dalam meningkatkan kecemerlangan perkhidmatan di peringkat unit dan untuk USM sendiri. Majlis penghargaan ini telahpun diadakan bertempat di Dewan Utama, Kampus Kesihatan untuk meraikan seramai 501 staf yang menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) dan Anugerah Sanjungan Budi (AKSB). Tahniah dan syabas kepada semua penerima.

EN. AHMAD AFIFI HJ ISMAIL
PENOLONG PEGAWAI TADBIR N32 (KUP)

EN. ROSMADI MAT NOOR
PEMBANTU OPERASI N11 (KUP)

EN. NIK HELMI NIK AHMAD
PEREKA B26

EN. NIK MOHAMAD AMIRUL ASYRAF ROKHMAN
PEMBANTU AWAM H11

PN SYAZWANI HASHIM
PEMBANTU TADBIR N19

PN CHE ESAH CHE HASSAN
PEMBANTU AWAM H11

FAMILY DAY UPKA 2024

Kelab UPKA (KUPKA) telah menganjurkan program Family Day peringkat unit pada awal Julai 2024 sebagai salah satu acara yang mengumpulkan seluruh warga penggerak UPKA bersama keluarga masing-masing. Program ini telahpun berlangsung pada 12 dan 13 Julai 2024 selama dua (2) hari dan satu (1) malam bertempat di Raja Dagang Resort, Tok Bali. Acara yang sememangnya dinanti-nantikan oleh semua kerana ianya memberikan peluang kepada semua untuk merehatkan minda dan berehat seketika daripada tugasan hakiki di pejabat dan meluangkan masa bersama-sama dengan ahli keluarga dan rakan sekerja UPKA.

Persiapan awal telah dilakukan sebulan lebih awal oleh ahli Kelab UPKA untuk menguruskan segala perancangan dan persiapan agar program pada hari berkenaan berjalan dengan lancar. Program yang diadakan selama dua hari itu diisi dengan pelbagai aktiviti-aktiviti yang menarik untuk semua termasuklah ahli keluarga dan anak-anak agar semua dapat membawa pulang kenangan yang manis dan berharga dari program Family Day UPKA tahun ini.

Pelbagai aktiviti menarik telah disusun oleh pihak KUPKA bagi memeriahkan program Family Day UPKA tahun ini. Pada malam program, pihak KUPKA telah menyediakan jamuan BBQ untuk dinikmati bersama-sama sambil dihiburkan dengan persembahan istimewa daripada staf UPKA sendiri. Urusetia juga turut menyediakan cabutan bertuah dan kuiz teka teki pada malam tersebut untuk memeriahkan lagi suasana. Kemuncak malam Family Day bagi tahun ini dimeriahkan dengan penyampaian hadiah kepada pemenang pertandingan memancing, pakaian terbaik bagi kategori kanak-kanak, dewasa dan keluarga sporting.

Program Family Day UPKA diteruskan lagi pada hari kedua program iaitu acara sukaneka yang melibatkan seluruh staf dan ahli keluarga. Pihak urusetia telah menyediakan pelbagai aktiviti serta hadiah yang menarik kepada semua peserta. Masing-masing tidak melepaskan peluang untuk menyertai acara yang dipertandingkan. Semoga penganjuran program seumpama ini dapat diteruskan lagi pada tahun-tahun hadapan agar ukhwah yang terjalin di sini berpanjangan dan menjadi asbab untuk UPKA terus mencoret kejayaan.

ACARA SUKANEKA FAMILY DAY UPKA

Game Kanak - Kanak

- Adik Hebat
- Lontaran Kasih
- Bola-bola Cintaku
- Semanismu Candy

Game Pasangan

- Penguin Madagascar
- Ikat Erat Kemah Keming

Game Lelaki

- Secomel Mulut Itik
- Ketipak Ketipung

Game Wanita

- Alien Jelita Kaki Bangku
- Maruku Chan

Game Lelaki VS Wanita

- Ulat Beluncas Wonderpet
- Train to Busan

TEMASYA OLAHRAGA TAHUNAN (TOT) USM KE-47

31 Mei – 2 Jun 2024 – Temasya Olahraga Tahunan USM (TOTUSM) merupakan acara tahunan yang terbesar di peringkat universiti. Temasya ini telah diadakan pertama kalinya pada tahun 1972 dan tahun ini merupakan sambutan yang ke-47. Kategori yang dipertandingkan dalam temasya ini ialah trek, acara berpasukan dan accaara padang bagi kategori lelaki, wanita dan senior veteran. Edisi kali ini juga membawa kelainan yang tersendiri dengan penyertaan empat (4) kontijen yang diwakili oleh staf dari seluruh kampus USM. Dua (2) orang staf dari Perkhidmatan Dobi telah terpilih mewakili kontijen Kampus Kesihatan iaitu En. Mohd Faizal Hussin dan En. Muhammad Hairi Mustaffa. Keduanya berjaya mengharumkan nama kontijen dan juga Perkhidmatan Dobi kerana berjaya mengumpul pingat dalam acara yang dipertandingkan.

	Acara	Pingat
1	4x400 meter Kategori Lelaki Veteran	Emas
2	4x100 meter Kategori Lelaki Veteran	Perak
3	400 meter Kategori Lelaki Veteran	Gangsa
4	4x400 meter Kategori Lelaki Senior	Emas
5	800 meter Kategori Lelaki Senior	Perak

Professional Corporate Team Building

@ Holiday Villa Cherating

16 – 18 Ogos 2024

Professional Corporate Team Buidling Hospital USM diteruskan lagi dengan Siri ke-3 bertempat di Holiday Villa, Kuantan. Siri kali ini melibatkan staf dari kumpulan pelaksana terdiri daripada Penolong Pegawai Tadbir, Juruterapi Pergigian, Jururawat dan Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) dari Unit dan Jabatan di bawah seliaan Hospital USM. Seramai 36 peserta telah terlibat dalam program berkenaan. Objektif siri pengukuhan ini dianjurkan adalah untuk memberi kefahaman dan pengetahuan tentang aspek pemantapan ilmu pengetahuan, kemahiran dan nilai-nilai peribadi serta mengeratkan perhubungan dan interaksi antara pengurusan Hospital USM dengan staf terlibat. Program ini juga sebagai platform untuk memberi kefahaman, berkongsi idea dan penjelasan mengenai budaya kerja cemerlang. Diharapkan agar program seperti ini dapat menjadi pemangkin untuk meningkatkan lagi mutu kerja setiap peserta program.

Hari Pertama

Hari Kedua

Hari Ketiga

Sorotan Aktiviti Sepanjang 3 Hari

Program Memasak Dan Agihan Bubur Asyura

Peringkat Kampus Kesihatan Universiti Sains Malaysia

Bersempena dengan bulan Muharam yang simbolik dengan bubur asyura, Pusat Islam Kampus Kesihatan, Universiti Sains Malaysia (USM) tidak ketinggalan menganjurkan Program Memasak dan Agihan Bubur Asyura Peringkat Kampus Kesihatan untuk diagihkan kepada staf-staf, pelajar dan masyarakat setempat.

Menarik lagi kerana program turut diisi dengan pertandingan memasak bubur asyura paling sedap dan menarik yang menyaksikan 12 kumpulan berentap bagi memenangi pertandingan tersebut.

Kumpulan-kumpulan tersebut disertai oleh staf-staf dari Hospital USM, Pusat Pengajian Sains Perubatan, Pusat Pengajian Sains Kesihatan, Pusat Pengajian Sains Pergigian, Jabatan Pembangunan dan Fasiliti, Unit Kejururawatan/Persatuan Jururawat Malaysia Cawangan Hospital USM, Pejabat Pengarah Kampus/Jabatan Bendahari, Pusat Pengetahuan, Komunikasi dan Teknologi, Koperasi Warga Staf USM Kelantan Berhad, Persatuan Sains Makmal Perubatan, Kelab Jasa Budi serta Warga Kariah Masjid Mukim Kampus Kesihatan.

Hospital USM telah berjaya memenangi pertandingan tersebut dengan mendapat gelaran juara manakala bagi temapt kedua dimenangi oleh Kelab Jasa Budi disusuli dengan Pejabat Pengarah Kampus.Jabatan Bendahari di kedudukan tempat ketiga.

TAKLIMAT DAN BENGKEL PEMANTAPAN PEGAWAI ASET HOSPITAL USM

12 - 13 Mei 2024, Auditorium Hospital USM - Taklimat yang diadakan ini telah melibatkan Pegawai-pegawai Aset Hospital USM yang telah dilantik dari setiap Jabatan dan Unit untuk tahun 2024 bertujuan membantu memberikan maklumat mengenai tatacara pengisian borang-borang KEW.PA yang terkini khususnya kepada pegawai aset yang dilantik untk tahun 2024 dan melancarkan tadbir urus pengurusan aset Hospital USM.

BENGKEL PEMANTAPAN KPI UPKA

12 Julai 2024, Raja Dagang Resort - Bengkel ini telah dilaksanakan untuk menilai pencapaian dan kelemahan yang dihadapi bagi membolehkan penambahbaikan dilakukan agar setiap sasaran KPI yang dirancang berjaya dicapai oleh setiap bahagian utama UPKA. Bengkel tersebut juga turut diisi dengan amanat daripada Ketua Unit Pentadbiran dan Kemudahan Am, En. Mohd Saberi Mohd Yusoff.

TAKLIMAT PENGURUSAN CUTI HOSPITAL USM 2024

22 Ogos 2024, Auditorium Hospital USM - Taklimat ini diadakan dengan bertujuan memberi kefahaman berkenaan pengurusan cuti terutamanya Cuti Umrah, Cuti Haji dan Cuti Luar Negara kepada Penyelia Cuti di setiap Jabatan dan Unit Hospital USM khususnya Penyelia cuti yang baru serta bagi yang kurang arif mengenai pengurusan cuti staf. Taklimat ini juga bertujuan untuk memperkukuhkan kefahaman penyelia cuti mengenai pengurusan cuti bagi melancarkan kecekapan proses kerja.

KESIHATAN MENTAL DI TEMPAT KERJA: *SILENT KILLER*

Nukilan: Nurul Asyikin Mat Hasan

DIAM-DIAM MEMATIKAN

Sikap diam seringkali dianggap sebagai tanda kelemahan atau ketidakmampuan seseorang untuk berbicara. Seseorang yang mampu menjaga sikap diam dalam berbagai situasi menunjukkan bahawa mereka memiliki kelakuan diri yang baik. Mereka juga mampu menahan diri untuk tidak terbawa emosi dan mengungkapkan kata-kata yang mungkin dapat melukai orang lain. Namun begitu, seseorang juga memilih untuk berdiam diri sehingga terluka emosi dek kerana kata-kata kesat yang diberikan memberi impak kepada kesihatan mental individu tersebut seperti kemurungan (depression)

Adakah Anda Tahu ??

Seseorang yang berdiam diri berkemungkinan telah memberi kesan kepada dirinya seperti tekanan emosi atau stres. Secara umum, setiap orang mempunyai persepsi dan reaksi yang berbeza terhadap tekanan kerja. Sebilangan besar pekerja sukar menangani masalah yang mereka hadapi di tempat kerja dan menyebabkan tekanan kerja, dan keadaan akan bertambah sukar apabila mereka menghadapi masalah dengan ahli keluarga dan tidak mendapat sokongan emosi. Hal ini memberi kecenderungan seseorang untuk mengalami gangguan emosi seperti kerisauan, pemikiran yang bercelaru, kemurungan, kegelisahan dan serangan panik

Sebagai seorang pekerja, tanggungjawab utama adalah untuk membendung gejala tekanan dengan mengenali sumber tekanan negatif sama ada tekanan tersebut berpunca dari dalaman ataupun luaran. Tindakan seterusnya adalah merancang langkah-langkah untuk mengatasinya dalam pengurusan stress seperti ubah pemikiran, ubah tingkah laku dan ubah gaya hidup. Selain itu, berjumpa dengan kaunselor atau supervisor adalah cara yang terbaik untuk berbincang dan mendapat resolusi sekiranya menjejaskan aktiviti harian.

Secara kesimpulan, stres di tempat kerja akan memberi impak psikologi yang boleh menjejaskan kesihatan mental dan fizikal individu. Jika tidak ditangani dengan baik ianya akan menyebabkan gejala-gejala yang tidak sihat seterusnya menjejaskan produktiviti individu dan organisasi.

Rujukan:

1. Ibrahim, M.I (2024, Mei 16). Hampir 5 juta rakyat Malaysia sakit mental dan NCD. https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/05/1091071/hampir-5-juta-rakyat-malaysia-sakit-mental-dan-ncd
2. Hidayah, (2021, November 9). Stres di Temapt Kerja (Bahagian 1): Apa yang Anda Perlu Tahu – Dr. Fa'iza Abdullah https://www.mmgazette.com/stres-di-tempat-kerja-bahagian-1-apa-yang-anda-perlu-tahu-dr-faiza-abdullah/

Putrajaya: Tinjauan Kebangsaan Kesihatan dan Morbiditi (NHMS) 2023 mendedahkan seramai sejuta atau bersamaan 4.6 peratus penduduk Malaysia berusia lebih 15 tahun mengalami isu kemurungan. Menerusi hasil tinjauan dilakukan, jumlah itu menunjukkan peningkatan dua kali ganda berbanding tahun 2019 dengan golongan berusia 16 hingga 29 tahun paling ramai mengalaminya. Tinjauan juga menunjukkan hampir separuh daripada jumlah itu berfikir untuk mencederakan diri sendiri atau membunuh diri. Masalah kesihatan mental dalam kalangan kanak-kanak pula menyaksikan peningkatan daripada 7.9 peratus pada 2019 kepada 16.5 peratus pada 2023. (Harian Metro, 16 Mei 2024)

MPRC
HOSPITAL
UNIVERSITI
SAINS MALAYSIA
(HUSM)
DEKA
57

SAYANGI
MALAYSIA

SAMBUTAN AMBANG MERDEKA 2024 PERINGKAT HOSPITAL USM

11 Ogos 2024

Hospital Universiti Sains Malaysia (USM) telah mengambil inisiatif dengan mengadakan Pelancaran Sambutan Ambang Merdeka 2024 Peringkat Hospital USM bagi membangkitkan semangat patriotik dalam kalangan staf. Majlis tersebut telah berlangsung di Auditorium Blok Pentadbiran dan telah dilancarkan oleh Pengarah Hospital USM, Profesor Dato' Dr. Nik Hisamuddin Nik Ab. Rahman. Hadir sama dalam program tersebut ialah Timbalan Pengarah Infrastruktur dan Aset, Hospital USM, Dr. Mohamed Ashraf Mohamed Daud serta Timbalan Pendaftar Kanan, Hospital USM, En. Mohd Saberi Mohd Yusoff.

Bertemakan Malaysia MADANI: Jiwa Merdeka, program dimeriahkan lagi dengan persembahan koir oleh pasukan koir Simfoni Euforia yang mengumpulkan staf-staf dari Unit Pentadbiran dan Kemudahan Am, Unit Kejururawatan, Unit Klinikal dan Unit Pembangunan Korporat serta deklamasi sajak oleh Dr. Juhaida dan Dr. Amirul Afiq dari Unit Klinikal.

Sumber: MPRC Kampus Kesihatan, USM

FIT MALAYSIA KOTA BHARU

22 Ogos 2024

Program yang dianjurkan dengan kerjasama Pejabat Belia dan Sukan Negeri Kelantan ini telah berlangsung dengan begitu meriah sekali bertemakan Kemerdekaan Negara yang ke-67. Seramai 130 orang peserta terdiri daripada staf Unit Pentadbiran dan Kemudahan Am, Unit Klinikal, Unit Pembangunan Korporat, Unit Kejururawatan, Jabatan Bendahari, Pejabat Pengarah Hospital USM, Jabatan Keselamatan Zon Hospital serta Pusat Media dan Perhubungan Awam telah terlibat ketika program yang berlangsung berhadapan Blok Pentadbiran Hospital USM.

Berpakaian dengan tema Jalur Gemilang, program senamrobik ini dimeriahkan lagi dengan lagu-lagu patriotik yang dipasang ketika senaman bagi menyemarakkan sambutan kemerdekaan dalam masa yang sama menggalakkan penjagaan kesihatan staf Hospital USM. Acara pada hari tersebut turut dimeriahkan dengan kibaran Jalur Gemilang serta cabutan bertuah yang telah disediakan oleh pihak Pejabat Belia dan Sukan Negeri Kelantan.

Kejohanan BOLING AMBANG MERDEKA 2024

22 Ogos 2024

Kejohanan Boling Ambang Merdeka 2024 anjuran Hospital USM disambut meriah dengan penyertaan seramai 88 orang pemain yang mewakili 22 pasukan termasuk dalam kalangan pengurusan hospital.

Penyertaan kali ini hanya memberi keutamaan kepada pemain amatur bagi membuka peluang kepada staf Hospital USM yang berminat dalam sukan tenpin boling menyerlahkan bakat terpendam.

Pasukan Mat Kilau yang diwakili oleh staf dari Unit Perkhidmatan Pergigian telah menjuarai kejohanan kali ini dengan jatuhan pin sebanyak 1132. Naib Johan pula dirangkul oleh pasukan Labu Labi manakala tempat ketiga dimenangi oleh pasukan Gold yang diwakili oleh staf dari Unit Pentadbiran dan Kemudahan Am.

Masing-masing membawa pulang pingat beserta hamper sebagai tanda kenang-kenangan. Raja Boling bagi kejohanan kali ini telah disandang oleh En. Muhammad Saidi Mat Saupi daripada pasukan Gold dengan jatuhan pin sebanyak 347 manakala Pn. Wan Nur Adlina Wan Mansor dari pasukan Mat Kilau berjaya menyandang gelaran Ratu Boling dengan jatuhan pin sebanyak 315. Turut disediakan juga hadiah bagi kategori Pakaian Terbaik yang memenuhi kriteria kemerdekaan yang dimenangi oleh pasukan UPD Horray.

1 Team MAT KILAU

2 Team LABU - LABI

3 Team GOLD

Perbarisan Kemerdekaan

Bukti Semangat Patriotisme

30 Ogos 2024, Stadium Sultan Muhammad ke IV – Sambutan Ambang Merdeka ke-67 Peringkat Negeri Kelantan telah berlangsung dengan meriah sekali tahun ini.

Menurut sumber, seramai hamper 30,000 orang ramai telah membanjiri kawasan dalam dan luar stadium untuk turut serta menyaksikan perarakan dan persembahan yang disediakan.

Hospital USM juga tidak melepaskan peluang menghantar satu kontijen perarakan yang dibarisi oleh seramai 35 orang staf daripada pelbagai peringkat jawatan.

Perarakan kali ini telah melibatkan sebanyak 67 kontijen yang terdiri daripada pasukan keselamatn, agensi-agensi Kerajaan dan negeri, badan-badan berkananun, IPT serta badan NGO.

Bertemakan "Malaysia Madani: Jiwa Merdeka, Penghayatan Membangun Bersama Islam" majlis turut dihadiri oleh Menteri Besar Kelantan, Dato' Panglima Perang Ustaz Mohd Nassuruddin Daud.

ECOBAG4U

Program Kelestarian UPKA

Jawatankuasa Kelestarian UPKA dengan kerjasama Jawatankuasa Kelestarian Hospital USM dan Majlis Penghuni Desasiswa Murni Nurani, Kampus Kesihatan telah mengambil inisiatif melaksanakan projek rak ***ECOBAG4U*** sebagai tanda sokongan kepada program 'No Plastic Bag'. Semenjak program ini dilaksanakan di semua kiosk jualan, farmasi, koperasi dan kafe di Hospital USM, ramai yang masih tidak terbiasa dengan kaedah ini dan ada juga yang mungkin terlupa untuk membawa beg kitar semua bersama ketika berurusan di Hospital USM.

Rak ECOBAG4U ini telah dilaksanakan pada 8 Julai 2024 oleh pihak Jawatankuasa Kelestarian yang terlibat dan diletakkan di tiga (3) buah tempat yang telah dikenalpasti iaitu di Farmasi Ubat, Kafe Mentari dan kawasan Kafe Koperasi Hospital USM untuk kegunaan semua. Semoga Projek ***ECOBAG4U*** ini dapat memberi manfaat kepada orang ramai serta dalam masa yang sama dapat menggalakkan orang ramai serta staf Hospital USM untuk terus menyokong Program Kelestarian Hospital USM.

Santai Bersama
En. Rosmadi

Q Boleh En Rosmadi kongsikan serba sedikit latar belakang?

A Bismillahirrahmanirrahim, terlebih dahulu terima kasih saya ucapkan kepada Sidang Redaksi Buletin UPKA kerana sudi menemubual saya untuk ruangan Santai Bersama Edisi kali ini. Nama diberi Rosmadi bin Mat Nor, Alhamdulillah pada 16 Julai tahun ini genap 56 tahun usia saya. Saya dikurniakan lima (5) orang cahaya, dua orang lelaki dan tiga orang Perempuan hasil perkongsian hidup bersama suri hati saya, Pn Rohaya Mohammad.Saya kini menetap di Besut, Terengganu oleh kerana orang rumah saya anak jati sana.

Q Jika tidak keberatan, boleh En Rosmadi ceritakan perjalanan sepanjang berkhidmat di USM?

A Sudah tentu boleh. Saya mula berkhidmat di USM sekitar tahun 1993 sebagai seorang pembantu penyelidik di Bank Tisu selama enam (6) tahun. Rezeki saya pada tahun 1997 dimana saya ditawarkan jawatan sebagai pembantu operasi dan mula bertugas di Pusat Pengajian Sains Pergigian (PPSG) selama 21 tahun. Banyak pengalaman manis, suka dan duka sepanjang saya di sana. Setelah 21 tahun menabur khidmat dan bakti di PPSG, saya ditukarkan ke Unit Pentadbiran dan Kemudahan Am. Alhamdulillah, saya sempat berkhidmat di sini selama hampir empat (4) tahun kerana saya memilih untuk berpencen awal pada usia 56 tahun. Julai 2024 merupakan bulan terakhir saya bertugas di sini dan menamatkan perkhidmatan saya di USM.

Q Kenangan paling manis En Rosmadi sepanjang berkhidmat di USM?

A Kalau nak diceritakan tentang pengalaman manis terlalu banyak tetapi yang paling terpahat dalam ingatan saya adalah ketika berkhidmat di PPSG di mana saya mengikuti satu program penyelidikan bersama 'team' penyelidik USM ke Pulau Perhentian untuk menjalankan kajian tentang terumbu karang di sekitar pulau. Itu adalah kenangan paling manis saya kerana saya berpeluang untuk menyelam serta dapat menerokai keindahan terumbu karang di salah sebuah Pulau tercantik di Pantai Timur. Satu pengalaman yang amat bermakna buat saya. Boleh dikatakan sambil menyelam minum air.

Q Apakah pesanan dan harapan En Rosmadi untuk UPKA?

A UPKA akan sentiasa dalam ingatan saya kerana di sinilah destinasi bertugas terakhir saya sebelum bersara pada 15 Julai 2024. Saya berharap warga UPKA sentiasa bersatu hati dan mengekalkan ukhwah yang terjalin ini agar kejayaan-kejayaan akan datang dapat dikecapi dan semoga UPKA sentiasa memberikan perkhidmatan yang terbaik. Selamat maju jaya UPKA dan terima kasih daun keladi, ada masa kita jumpa lagi.

Selamat Bersara

MALAYSIA
MADANI
Jiwa Merdeka
MERDEKA
Jiwa Merdeka
MALAYSIA
MADANI
Jiwa Merdeka
MALAYSIA
MADANI
Jiwa Merdeka

MALAYSIA
MADANI
Jiwa Merdeka
Hospital USM
SINCE 1983
Jiwa Merdeka



DITERBITKAN OLEH:
UNIT PENTADBIRAN & KEMUDAHAN AM
www.hospital.usm.my